



STD 525/3/36

8 April 2008

Y.Bhg.Tan Sri/Y.Bhg.Datuk/Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENGHADIRI AWARENESS SEMINAR ON MALAYSIAN
STANDARD, MS 1970 - BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT
6 MEI 2008, HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR**

Saya dengan segala hormatnya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama SIRIM Berhad dan Cybersecurity Malaysia akan menganjurkan seminar di atas.

Seminar ini diadakan bagi menjelaskan aktiviti standardisasi, keperluan serta keadaan terkini di dalam pengurusan bagi kelangsungan perniagaan. Selain dari itu, ianya juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada semua yang terlibat akan pentingnya pematuhan kepada standard yang telah dibangunkan untuk memastikan aktiviti perniagaan tidak terjejas di dalam apa juga keadaan.

Seminar akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 6 Mei 2008 (Selasa)
Tempat: Mahkota 1, Istana Hotel, Kuala Lumpur
Masa : 9.00 pagi - 1.00 tengahari

Bagi pihak Jawatankuasa Pengelola, saya dengan segala hormatnya ingin menjemput organisasi Y.Bhg.Tan Sri/Y.Bhg. Datuk/Y.Bhg. Dato'/tuan/puan untuk menghadiri seminar ini. Adalah di harapkan agar Y.Bhg.Tan Sri/Y.Bhg. Datuk/Y.Bhg. Dato'/tuan/puan dapat memanjangkan jemputan ini kepada jabatan, bahagian atau cawangan organisasi Y. Bhg. Tan Sri/ Y. Bhg. Datuk/Y. Bhg. Dato'/tuan/puan yang berkaitan.

Bersama-sama ini disertakan sesalinan brosur seminar untuk makluman dan tindakan selanjutnya. Adalah diharapkan agar wakil Y.Bhg.Tan Sri/Y.Bhg.Datuk/ Y.Bhg. Dato'/tuan/ puan dapat mengembalikan borang yang lengkap diisi kepada pihak sekretariat selewat-lewatnya pada 30 April 2008.

Kerjasama Y.Bhg.Tan Sri/ Y.Bhg. Datuk/Y.Bhg.Dato'/tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih dan diharap akan dapat memajukan lagi aktiviti standardisasi negara.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

KHAIDAH H. MUSTAFA
Pengurus Besar Kanan
Jabatan Pengurusan Standard
SIRIM Berhad